

PESONA

WANITA • KELUARGA • KESEHATAN

Kosmo! • JUMAAT 28 OKTOBER 2016

Ikuti kami di
Kosmo Online

Pandai Membaca Dalam Tempoh 20 Hari



> Lihat muka 30 & 31

IMAH (kanan) bersungguh-sungguh mahu belajar membaca meskipun ketika program JOMBaca itu dilaksanakan, dia sedang berpantang.



Akademi iSINA ditubuhkan pada 2006 sebagai sebuah pusat latihan amal yang bertujuan membantu kanak-kanak menguasai kemahiran membaca dengan cepat, mudah dan berkesan.

Belajar kerana mahu **baca resipi**

PERJALANAN menuju ke lokasi pembelajaran masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Buah, Dengkil agak mengelirukan.

Tiada sebarang papan tanda untuk dituju atau penduduk yang boleh ditanya.

Setelah berpusing-pusing mengelilingi kampung itu beberapa kali, barulah penulis tiba di surau kampung yang menjadi lokasi pembelajaran bagi masyarakat Orang Asli buta huruf.

Surau berwarna kuning itu dijadikan tempat belajar bagi program membaca, JOMBaca anjuran Akademi iSINA.

Program JOMBaca merupakan sebuah modul yang mengajar pelajar membaca dalam tempoh 20 hari sahaja. Program berkenaan dimulakan sejak 2006.

Semangat

Seorang pelajar, **Imah Din**, 30, berkata, dia hanya bersekolah sehingga darjah lima sebelum berhenti akibat kesempitan hidup.

"Saya hanya mengenal huruf tetapi tidak boleh menjeja. Jadi, saya tidak tahu membaca.

"Saya datang ke sini untuk



KANAK-KANAK Orang Asli mencium tangan guru mereka selepas berjaya menamatkan program JOMBaca yang berlangsung selama 20 hari.

belajar," kata wanita yang sedang berpantang selepas tiga hari melahirkan anak itu.

Ketika ditanya kenapa dia bersungguh-sungguh mahu belajar meskipun ketika itu sedang menunggu hari untuk melahirkan anak, Imah memberitahu, dia teringin belajar kerana ingin membaca resipi masakan.

"Saya suka memasak, suami pun suka makan. Jadi, agak susah jika saya tidak dapat membaca resipi masakan.

"Saya ada banyak buku

masakan di rumah," ujarnya.

Semangat yang ada dalam dirinya telah mendorong ramai rakan-rakan usia untuk turut serta dalam program itu termasuk 18 orang pelajar dewasa berumur 21 hingga 68 tahun.

Selain pelajar dewasa, kanak-kanak berusia empat hingga 14 tahun turut mengambil bahagian pada program yang dimulakan sejak 15 September lalu.

Lebih membanggakan, ada pelajar yang mengikuti kelas itu pada setiap hari tanpa

ponteng sekali pun.

Adol Hassan, 8, diberikan hadiah khas sempena kehadiran seratus peratus itu.

Adol yang sangat seronok menerima hadiah berupa makanan dan peralatan persekolahan itu memberitahu, dia sangat suka membaca.

"Saya suka membaca subjek bahasa Melayu dan Sains.

"Kalau boleh, hari-hari saya nak datang ke sini untuk belajar membaca," ujar anak ketiga daripada empat adik-beradik itu.

Misi akademi

Akademi iSINA ditubuhkan sebagai sebuah pusat latihan amal yang mempunyai misi untuk membantu kanak-kanak menguasai kemahiran membaca dengan cepat mudah dan berkesan.

"Seawal usia empat tahun, kebanyakan pelajar Akademi iSINA berjaya menguasai kemahiran membaca dalam tempoh yang singkat.

"Kelas-kelas pemulihan juga diadakan untuk murid-murid sekolah rendah dan menengah yang menghadapi kesukaran membaca dan menulis serta murid-murid yang keciciran dalam pembelajaran di



NOR AZIAH



ADOL

sekolah," ujar Pengurus Hal Ehwal Pelajar Akademi iSINA, Nor Aziah Mohd. Hassan.

Katanya, program JOMBaca berhasrat untuk membantu mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan anak-anak daripada semua golongan masyarakat.

"Kami tahu, ramai masyarakat ingin belajar membaca tetapi terdapat pelbagai kekangan yang mereka sendiri tidak mampu menghadapinya.

"Contohnya, sekolah terlalu jauh atau mereka tidak mempunyai wang untuk ke sekolah," jelasnya sambil memberitahu, tenaga pengajar iSINA akan pergi ke lokasi yang ditetapkan untuk mengajar.

Bagi masyarakat Orang Asli, mereka berasakan



TENAGA pelajar Akademi iSINA bergambar kenang-kenangan bersama kakitangan Putrajaya Perdana Bhd. dan pelajar program JOMBaca.



SURAU berwarna kuning ini dijadikan lokasi untuk masyarakat Orang Asli di Kampung Sungai Buah, Dengkil menimba ilmu.

seperti berada pada satu dunia yang baharu apabila dapat membaca.

Malah, mereka juga dapat bergaul dan berinteraksi dengan rakan-rakan lain tanpa merendah diri akibat tidak reti membaca.

"Saya pernah ada pengalaman berjumpa dengan sekumpulan kanak-kanak yang mengejek seorang budak bisu kerana tidak pernah bercakap.

"Namun, selepas saya mendekatinya, dia boleh bercakap tetapi terlalu malu kerana tidak pandai mengeja.

"Sedih hati saya, keyakinan diri kanak-kanak itu sangat kurang, dia seperti hidup seorang diri sahaja."

KESEMPITAN hidup menyebabkan kanak-kanak ini keciciran dalam pelajaran.

jelasnya.

Oleh demikian, objektif iSINA adalah untuk memberi latihan pendidikan dan bimbingan supaya lebih ramai anak-anak buta huruf serta keciciran dalam pelajaran dapat dibantu agar mereka mendapat peluang akademik yang lebih cerah.

Cabaran

Bagaimanapun, Nor Aziah memberitahu, bukan mudah untuk mengajar dalam tempoh 20 hari kerana semuanya bergantung pada kemampuan dan kemahiran pelajar.

"Sebelum menetapkan tempoh 20 hari, kami juga pernah cuba 30 dan 15 hari. Setelah beberapa ujian dilakukan, 20 hari adalah masa paling sesuai untuk mereka pandai membaca.

"Namun, masyarakat di luar harus faham, mereka tidaklah terus lancar, sekurang-kurangnya mereka tahu membunyikan

huruf melalui perkataan seterusnya membentuk ayat," katanya yang menekankan pembelajaran fonetik.

Kaedah fonetik adalah satu modul yang dijalankan oleh Akademi iSINA. Pelajar diajar fonetik dengan cara membunyikan huruf untuk membentuk perkataan.

Selepas 20 hari belajar, majlis graduasi akan dilakukan bagi meraikan kejayaan pelajar-pelajar itu.

"Selepas tamat, mereka boleh mengikuti kelas yang dilakukan pada setiap Ahad.

"Kelas itu merupakan kesinambungan pembelajaran selepas mereka pandai membaca," ujarnya.

Pada program itu, kakitangan Putrajaya Perdana Berhad (PPB) hadir sama untuk memberikan sokongan kepada program yang dilaksanakan.

PPB merupakan salah satu badan yang menyumbang dana untuk Akademi iSINA.

INFO iSINA

■ iSINA Global Media merupakan sebuah syarikat Bumiputera yang ditubuhkan pada 2006.

■ Ia menajalankan perniagaan dalam bidang penerbitan dan latihan pendidikan.

■ Program JOMBaca diwujudkan sebagai satu inisiatif untuk membantu kanak-kanak yang menghadapi kesukaran membaca.

■ Di bawah pusat latihan Akademi iSINA, terdapat lebih 20 tenaga pengajar yang terlatih dan berpengalaman.

Membaca sebagai amalan dalam kehidupan

MEMBACA merupakan satu keperluan untuk melahirkan masyarakat celik ilmu terutamanya dalam kalangan kanak-kanak.

Pada peringkat ini, kanak-kanak mempunyai keinginan untuk belajar, mengetahui, meneroka, mencuba dan menyelidik.

Keupayaan untuk belajar dan mengetahui sesuatu perkara itu semakin bertambah jika mereka dapat mencuba serta memberikan hasil yang berkesan.

Atas dasar itu, Naib Pengerusi Projek Iqra bagi Akademi iSINA, Sharifah Sharina Syed Aswad sentiasa mencurahkan ilmu kepada golongan tersebut untuk membantu

mereka menguasai ilmu akademik dengan lebih mendalam.

"Projek Iqra merupakan kesinambungan daripada program JOMBaca.

"Selepas golongan ini berjaya menguasai pembacaan, mereka boleh meneruskan pembelajaran dengan menyertai projek tersebut," katanya.

Tambahnya, melalui Projek Iqra, pelajar diajar mengikut subjek yang sudah ditetapkan seperti bahasa Melayu, Matematik dan Sains.

Pelajar akan diajar oleh sukarelawan yang terdiri daripada pelajar universiti dan pensyarah.

"Kelas akan diadakan pada

setiap hari Ahad, bermula pukul sembilan pagi hingga 12 tengah hari.

"Konsepnya, seorang guru akan mengajar seorang murid bagi membolehkan mereka memberi tumpuan sepenuhnya kepada pelajar itu," tambah Sharifah Sharina.

Pada setiap hari Ahad, hampir 30 hingga 40 orang tenaga pengajar akan hadir ke kawasan yang telah ditetapkan untuk mencurahkan ilmu kepada sesiapa sahaja yang ingin belajar.

Sharifah Sharina berkata, program itu diadakan secara berterusan sehingga akhir tahun.



SHARIFAH SHARINA